

Khamis, 21 Mei 2020 | 6:25pm



Rosol (tengah) menunjukkan aplikasi 'Price Catcher' yang dibangunkan bagi membantu pengguna membuat perbandingan harga. - NSTP/Zatul Iffah Zolkipli

Lebih 432 harga barangan di Price Catcher

Oleh Zatul Iffah Zolkipli
bhnews@bh.com.my

KUALA BERANG: Lebih 432 harga barangan keperluan pengguna dipaparkan menerusi aplikasi 'Price Catcher' bagi membolehkan orang ramai membuat perbandingan harga, seterusnya mendapatkan harga lebih berpatutan.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid, berkata maklumat harga barangan itu dicatat 1,100 Pegawai Pemantau Harga (PPH) di seluruh negara secara harian, mingguan dan bulanan.

Katanya, ia membabitkan perbandingan harga di pasar raya, pasar awam, pasar basah dan kedai runcit terpilih sekali gus dapat menjimatkan masa dan kos pengguna.

"Dengan adanya 'Price Catcher' ini, pengguna tidak perlu lagi datang dan buat perbandingan harga misalnya antara Sabasun, Giant atau pasar awam, maknanya ia lebih menjimatkan masa dan memudahkan kerja.

"Antara ciri terkini yang dibangunkan adalah seperti kemudahan perkongsian maklumat carian harga melalui media sosial dan hebahan mengenai perubahan harga minyak atau maklumat kepenggunaan lain," katanya selepas Majlis Pelancaran Skim Harga Maksimum Musim Perayaan di Pasaraya Sabasun di Ajil di sini hari ini.

Rosol berkata aplikasi mudah alih 'Price Catcher' itu mula dibangunkan sejak 2018 menggunakan platform Android dan iOS.

Katanya, penggunaan aplikasi itu secara tidak langsung dapat membantu pengguna merancang perbelanjaan dengan memilih premis yang menawarkan harga berpatutan selain menggalakkan peniaga beretika dan meletakkan harga yang munasabah.

"Orang ramai disarankan menggunakan aplikasi ini kerana ia bukan sahaja memaparkan harga antara premis yang berlainan tetapi turut dilengkapi dengan maklumat harga lebih terkini dan sentiasa dikemas kini dengan ciri-ciri terbaru bagi membantu pengguna merancang perbelanjaan," katanya.

Mengulas Skim Harga Maksimum Musim Perayaan, Rosol berkata, kementerian mengenal pasti 10 jenis barangan seperti ayam, telur, daging dan kelapa bagi pelaksanaan skim itu di Terengganu berkuat kuasa semalam hingga 3 Jun ini.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/05/691544/lebih-432-harga-barangan-di-price-catcher>

